



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA
MEI 2026**

**Indeks Nilai Seunit Eksport meningkat 1.8 peratus pada Mei 2026,
disumbangkan terutamanya oleh kenaikan indeks Minyak Galian.**

PUTRAJAYA, 26 Jun 2026 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Mei 2026 mencatatkan peningkatan 1.8 peratus daripada 159.2 mata pada bulan sebelumnya kepada 162.1 mata. Indeks nilai seunit import menurun 0.4 peratus daripada 133.1 mata kepada 132.6 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 2.3 peratus bulan ke bulan daripada 119.6 mata kepada 122.3 mata pada Mei 2026, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **Indeks Perdagangan Luar Negeri (2010=100), Mei 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport meningkat 1.8 peratus pada Mei 2026 disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks minyak galian (+5.6%), pelbagai barang keluaran kilang (+1.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.5%). Indeks volum eksport menurun 1.4 peratus selaras dengan penurunan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-17.8%), barang-barang keluaran kilang (-15.6%) dan minyak galian (-11.3%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim menurun 1.9 peratus daripada 217.4 mata kepada 213.3 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport masing-masing meningkat 9.5 peratus dan 32.7 peratus.

Indeks nilai seunit import juga menurun 0.4 peratus pada Mei 2026, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-1.9%), barang-barang keluaran kilang (-0.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.04%). Sementara itu, indeks volum import turut menurun 6.4 peratus pada Mei 2026 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-30.6%), bahan kimia (-11.8%) dan barang-barang keluaran kilang (-8.8%). Indeks volum import pelarasan bermusim menurun 6.0 peratus daripada 185.8 mata kepada


174.6 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import meningkat 6.2 peratus manakala indeks volum import turut meningkat 7.4 peratus.

Terma perdagangan Malaysia meningkat 2.3 peratus bulan ke bulan kepada 122.3 mata pada Mei 2026, disebabkan oleh peningkatan dalam indeks minyak galian (+7.6%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+2.0%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+1.5%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun turut bertambah 3.2 peratus daripada 118.6 mata pada Mei tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA MAY 2026

The Export Unit Value Index increased by 1.8 per cent in May 2026, mainly contributed by an increase in the Mineral Fuels index.

PUTRAJAYA, June 26, 2026 – Malaysia's export unit value index in May 2026 increased by 1.8 per cent from 159.2 points in the previous month to 162.1 points. Import unit value index decreased by 0.4 per cent from 133.1 points to 132.6 points. In the meantime, Malaysia's terms of trade increased 2.3 per cent month-on-month from 119.6 points to 122.3 points in May 2026 as reported in the **External Trade Indices (2010=100), May 2026** released today. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that the export unit value index increased by 1.8 per cent in May 2026, attributed to increases in the index of mineral fuels (+5.6%), miscellaneous manufactured articles (+1.3%) and machinery & transport equipment (+0.5%). The export volume index decreased by 1.4 per cent in line with decreases in the indices of animal & vegetable oils & fats (-17.8%), manufactured goods (-15.6%) and mineral fuels (-11.3%). Seasonally adjusted export volume index decreased by 1.9 per cent from 217.4 points to 213.3 points. Referring to the annual comparison, both the export unit value index and the volume index expanded by 9.5 per cent and 32.7 per cent respectively.

The import unit value index also decreased by 0.4 per cent in May 2026, due to decreases in the indices of mineral fuels (-1.9%), manufactured good (-0.2%) and machinery & transport equipment (-0.04%). Meanwhile, the import volume index decreased by 6.4 per cent in May 2026 as compared to the previous month, driven by decreases in the indices of mineral of fuels (-30.6%), chemicals (-11.8%) and manufactured goods (-8.8%). The seasonally adjusted import volume index decreased by 6.0 per cent from 185.8 points to 174.6 points. A year-on-year


comparison showed that the import unit value index increased by 6.2 per cent, while the volume index edged up by 7.4 per cent.

Malaysia's terms of trade increased by 2.3 per cent month-on-month to 122.3 points in May 2026, due to an increase in the index of mineral fuels (+7.6%), animal & vegetable oils & fats (+2.0%) and miscellaneous manufactured articles (+1.5%). Meanwhile, Malaysia terms of trade increased by 3.2 per cent year-on-year from 118.6 points in May previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed "Data Nadi Ekonomi Rakyat". The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

Open DOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 JUNE 2026